

Lindung dan pelihara laluan air Melaka, kata pakar sejarah
Free Malaysia Today
Nov 9, 2016
Robin Augustin

Pakar sejarah berkata penemuan peninggalan di Melaka baru-baru ini tidak mengejutkan kerana pada zaman kegemilangannya, Melaka ialah pelabuhan paling sibuk di dunia.

KUALA LUMPUR: Pakar sejarah terkemuka, Profesor Khoo Kay Khim berkata laluan air bersejarah di Melaka perlu dilindungi dan dipelihara kerana banyak peninggalan sejarah tertanam di situ.

Dalam temu bual dengan FMT, Khoo bercakap mengenai penemuan peninggalan di laluan itu, berkata ia berasal dari empayar Majapahit pada abad ke-13, ditemui di bawah sungai Melaka.

Beliau berkata penemuan terbaru itu tidak mengejutkan kerana pada zaman kegemilangannya, Melaka ialah pelabuhan paling sibuk di dunia.

“Di pelabuhan Melaka, kira-kira 80 hingga 90 bahasa digunakan. Ia menunjukkan berapa banyak orang luar datang berdagang di situ,” katanya.

Sehubungan itu, katanya tidak dapat dibayangkan berapa banyak kapal atau bot yang membawa pelbagai barangan mungkin karam di situ, bersama barang muatan mereka.

“Jika anda gali cukup dalam, anda mungkin jumpa banyak lagi. Peninggalan seperti itu bukan saja membantu kita memahami sejarah tetapi banyak membantu dalam merangsang usaha pelancongan,” katanya.

Khoo berkata di kebanyakan negara membangun, kawasan yang mempunyai banyak peninggalan dan artifak akan dipelihara, dan pembangunan di kawasan itu akan diminimumkan.

“Jadi, kita patut pertimbangkan buat perkara sama, terutama di laluan air Melaka dan kawasan berhampiran Selat Melaka,” katanya.

Dalam laporan terbaru mengenai penemuan peninggalan itu, didedahkan yang peninggalan itu ditemui penyelam profesional di sepanjang 2km, kira-kira 20 meter di bawah sungai Melaka.

Penyelam itu menemui sebahagian daripada kuil Hindu dan struktur seperti pelaburan kira-kira 2 minggu lalu. Kota yang tertimbus itu dipercayai wujud sebelum Parameswara menemui Melaka pada 1400.

Majapahit, ialah kerajaan dengan elemen Hindu di Indonesia yang terakhir, berpangkalan di Jawa timur.

Susulan penemuan artifak itu, Pengerusi Hindraf P Waythamoorthy mendesak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bertindak pantas melindungi dan meminta bantuan Unesco serta badan penasihat untuk mengkaji dan memelihara artifak berkenaan.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/09/lindung-dan-peliharaan-laluan-air-melaka-kata-pakar-sejarah/>